No. Soalan:
No. 69 PR-1332-L67685

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]

TARIKH : 9 JUN 2015

SOALAN : **Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan dan pendirian Kerajaan memandangkan Setiausaha Agung PBB, Ban Ki Moon telah memaklumkan kepada Majlis Keselamatan mengenai kes-kes seperti keganasan seksual yang berterusan, penculikan, penahanan sewenang-wenangnya, penyeksaan dan keganasan seksual lain-lain yang melampau terhadap kaum Tamil di Sri Lanka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkenaan pendirian Malaysia berhubung penindasan ke atas kaum Tamil di Sri Lanka pernah dibangkitkan sebelum ini. Saya menyambut baik peluang untuk sekali lagi menjelaskan pendirian Malaysia berhubung perkara ini.

3. Kerajaan Malaysia sememangnya prihatin dengan mangsa–mangsa yang terjejas akibat peperangan kumpulan pengganas *Liberation Tigers of Tamil Eeelam* (LTTE) yang telah berakhir pada tahun 2009. Malaysia berpandangan bahawa isu berkenaan merupakan isu dalaman yang harus diselesaikan sendiri oleh Kerajaan Sri Lanka. Pendirian ini adalah konsisten dengan prinsip-prinsip dasar luar negara yang telah menjadi amalan Malaysia sejak sekian lama iaitu tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman sebuah negara asing, termasuklah urusan Sri Lanka dalam menangani isu tersebut.

4. Tambahan lagi, Malaysia menyambut baik dan menyokong tindakan Kerajaan Sri Lanka yang telah menubuhkan dengan izin *Lessons Learnt and Reconciliation Commission* (LLRC) pada 2010 yang antara lain bertujuan untuk menyiasat dan mendakwa individu-individu yang disyaki melakukan jenayah perang atau jenayah kemanusiaan semasa konflik antara Kerajaan Sri Lanka dengan kumpulan pengganas *Liberation Tigers of Tamil Eeelam* (LTTE).

Sekian, terima kasih.